



BERITA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 35

1. Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 35 ("Mesyuarat Agung") Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad ("KPF") telah diadakan pada hari Sabtu, 11 Jun 2016, jam 10.00 pagi di Dewan Bankuet, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur.

2. Mesyuarat Agung ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hanapi Suhada, Pengurus KPF merangkap Pengarah Besar FELDA. Mesyuarat Agung ini telah dihadiri seramai 1,257 Perwakilan dari seluruh negeri.

AGENDA MESYUARAT AGUNG

3. Mesyuarat Agung kali ini membentangkan 14 agenda termasuk laporan kewangan tahun 2015, menetapkan kadar dividen tahunan, memilih anggota Lembaga sesi 2016/2017, meluluskan cadangan bajet 2017, meluluskan cadangan had pelaburan dan had maksimum keterhutangan bagi sesi 2016/2017 dan menimbang serta meluluskan cadangan pindaan undang-undang kecil. Semua agenda telah dibahas dan diluluskan oleh perwakilan.

ANGGOTA DAN MODAL SYER

4. Jumlah anggota telah bertambah seramai 443 orang kepada 265,312 anggota mencatatkan peningkatan sebanyak 0.16% manakala modal syer anggota telah mencatatkan pengurangan 3.59% bernilai RM97.08 juta kepada RM2,609.86 juta (2014:RM2,706.94 juta) berikutan penetapan had maksimum modal syer RM2,500.00 juta serta pelaksanaan sistem langganan Q-Share. Seramai 5,883 anggota telah mendaftar dengan langganan modal syer bernilai RM153.74 juta.

5. Kumpulan Peneroka merupakan 88.46% daripada keseluruhan jumlah anggota dan kekal sebagai pencarum terbesar dengan milikan modal syer sebanyak RM1,917.13 juta (2014:RM1,972.66 juta) atau 73.46% daripada keseluruhan jumlah modal syer anggota.

6. Anggota daripada Kumpulan Kakitangan iaitu seramai 30,629 orang (2014:30,949), merupakan 11.54% daripada keseluruhan jumlah anggota KPF. Kumpulan ini memegang sebanyak RM692.73 juta (2014:RM734.28 juta) ataupun 26.54% daripada keseluruhan modal syer anggota.



KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

PELABURAN

7. Pelaburan KPF telah menyusut kepada RM5,330.12 juta dengan mencatatkan pengurangan sebanyak 1.65% bernilai RM89.41 juta berbanding tahun lalu (2014:RM5,419.53 juta). Pelaburan terbesar adalah dalam Pelaburan Korporat RM2,015.51 juta ataupun 37.81% daripada jumlah keseluruhan dana pelaburan, diikuti dengan Perladangan RM1,327.64 juta (24.91%), Pasaran Modal RM1,030.59 juta (19.34%), Hartanah RM811.18 juta (15.22%) dan Perkhidmatan Kewangan RM145.20 juta (2.72%).

KEUNTUNGAN

8. Pada tahun 2015, KPF memperolehi perolehan sebanyak RM744.08 juta mencatatkan pengurangan 28.79% berbanding tahun lalu (2014:RM1,044.93 juta).

9. Keuntungan bersih sebelum cukai dan zakat ialah sebanyak RM92.01 juta.

ZAKAT PERNIAGAAN

10. Pada tahun ini zakat perniagaan ialah sebanyak RM2.0 juta. Semua pelaburan dan dividen telah ditaksir oleh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP) dan dibayar zakatnya. Bayaran zakat ini diagihkan kepada pusat zakat negeri-negeri. Oleh itu

modal syer anggota yang berdasarkan konsep musyarakah ini, bagi anggota muslim tidak perlu lagi membayar zakat atas pelaburan dan dividen yang diterima.

DIVIDEN

11. Kadar dividen tunai telah diistihar sebanyak 10 peratus berjumlah RM262.28 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

12. Setelah 35 tahun penubuhannya, KPF telah dinobatkan sebagai Koperasi No 1 (Kluster Besar) di Malaysia dan Koperasi Bertaraf Lima Bintang oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di samping meraih pelbagai anugerah kecemerlangannya pada tahun 2015 iaitu:

- a) Anugerah Koperasi PERDANA daripada KPDKKK;
- b) Anugerah Koperasi NO. 1 negara daripada SKM;
- c) Anugerah ‘Homegrown Franchise of the Year’ daripada KPDKKK & MFA;
- d) Anugerah Koperasi TERBAIK daripada Jawatankuasa Perhubungan Negeri ANGKASA Wilayah Persekutuan;



KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

- e) Anugerah Tokoh Koperator kepada anggota Lembaga YBhg. Dato' Zainal Hassan daripada Jawatankuasa Perhubungan Negeri ANGKASA Wilayah Persekutuan; dan
- f) Anugerah Pengurusan Cemerlang dan Terbilang Koperasi kepada Ketua Eksekutif, Puan Sakinah Salleh daripada Jawatankuasa Perhubungan Negeri ANGKASA Wilayah Persekutuan.

PERANCANGAN MASA DEPAN

13. Dalam Rancangan Perniagaan 5 Tahun 2014-2017, aktiviti pelaburan dan perniagaan memberi fokus beberapa bidang keberhasilan yang berdaya maju seperti perladangan, harta tanah, perhotelan dan perkhidmatan kewangan. KPF merancang menambah 14 lagi rangkaian cawangan pajak gadai Islam Ar Rahn menjelang akhir tahun 2016.